Keputusan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Kadar Rujukan Islam Baharu iaitu *Malaysia Islamic Overnight Rate (MYOR-i)*

Mesyuarat MPS ke-218 bertarikh 28 Oktober 2021

Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009, MPS telah memutuskan bahawa kadar rujukan Islam yang baharu iaitu *Malaysia Islamic Overnight Rate (MYOR-i)* dan metodologi pengiraannya dalam situasi biasa dan situasi luar jangka adalah patuh Syariah memandangkan ia hanya mengambil kira transaksi patuh Syariah.

1.1. Keputusan ini berkuat kuasa berdasarkan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan terpakai ke atas IKI berikut:

(a) institusi kewangan Islam berlesen menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI);
(b) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam; dan
(c) institusi yang ditetapkan yang diluluskan di bawah seksyen 33B(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

1.2. Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI atau seksyen 33D (1) dan (2) DFIA, mengikut mana-mana yang berkenaan, IKI dikehendaki mematuhi keputusan ini kerana pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian perniagaan, hal ehwal atau aktiviti IKI tersebut adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah.

Bahagian II: Latar Belakang

2.1. Usaha pembaharuan kadar rujukan kewangan sedang dijalankan di pelbagai negara untuk meningkatkan integriti dan kualiti kadar rujukan faedah, selaras dengan saranan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Board, FSB*). Antara saranan utama FSB ialah pembangunan Kadar Rujukan Alternatif (*Alternative Reference Rate, ARR*) yang hampir bebas risiko *(near risk-free)* dan pengukuhan Kadar Tawaran Antara Bank (*Interbank Offered Rate, IBOR*) sedia ada bagi pasaran di negara masing-masing.

2.2. Selaras dengan usaha pembaharuan kadar rujukan kewangan di peringkat global ini, BNM telah melantik Jawatankuasa Pasaran Kewangan (*Financial Markets Committee, FMC*) untuk menyelia pembangunan kadar ARR yang berasaskan transaksi sebenar yang berlaku di pasaran.

2.3. Sama seperti negara lain, kadar rujukan alternatif bagi pasaran Malaysia iaitu *Malaysian Overnight Rate (MYOR)* akan dibangunkan berdasarkan kadar yang hampir bebas risiko dan transaksi semalaman dalam pasaran wang antara bank. Ianya akan dilaksanakan seiring

dengan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR*) yang sedia ada.

2.4. Bagi pasaran kewangan Islam pula, Kadar Rujukan Islam Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Islamic Reference Rate, KLIRR*) yang sedia ada akan dimansuhkan dan diganti dengan kadar rujukan yang baharu iaitu, Kadar Islam Semalaman Malaysia (*Malaysia Islamic Overnight Rate, "MYOR-i").* Ini berikutan penggunaan KLIRR yang rendah dan ketidakpatuhannya kepada piawaian global bagi kadar rujukan kewangan. MYOR-i dirumus berdasarkan prinsip-prinsip bagi kadar rujukan kewangan yang digariskan oleh *International Organisation of Securities Commission, IOSCO*. Ia dibangunkan dengan kerjasama antara FMC dan Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan Pasaran Islam (*Islamic Market Technical and Development Committee, IMTDC*) yang ditubuhkan bersama oleh AIBIM-FMAM[1].

2.5. Metodologi pengiraan MYOR-i adalah berdasarkan kadar pulangan purata bagi transaksi semalaman antara bank patuh Syariah dalam denominasi Ringgit Malaysia yang tidak bercagar dan berwajaran berdasarkan bilangan transaksi (*volume-weighted average rate*), yang dibundarkan kepada dua titik perpuluhan.

2.6. Ciri-ciri utama MYOR-i adalah: (i) berdasarkan kadar hampir bebas risiko; dan (ii) mewakili transaksi sebenar dan patuh Syariah dalam pasaran wang antara bank.

2.7. Transaksi yang diambil kira bagi pengiraan kadar MYOR-i terdiri daripada transaksi berikut:

- Transaksi antara bank tanpa cagaran (sama ada melalui broker atau secara langsung/dua hala); dan
- Operasi monetari semalaman oleh pihak BNM, yang terdiri daripada tender yang dijalankan melalui Sistem Automatik Sepenuhnya untuk Pengeluaran/Tender (*Fully Automated System for Issuing/Tendering, FAST*) atau operasi manual, dan transaksi semalaman secara terus antara Bank dan institusi di pasaran wang antara bank, tetapi tidak termasuk Kemudahan Tersedia (*Standing Facilities*).

2.8. Pada masa ini, instrumen kewangan yang diambil kira dalam metodologi pengiraan MYOR-i adalah instrumen berasaskan *Murabahah* Komoditi ("*Commodity Murabahah*") yang diurus niagakan di pasaran wang antara bank Islam. Instrumen baharu yang sesuai boleh dimasukkan pada masa hadapan bagi memastikan MYOR-i mencerminkan keadaan dan perkembangan terkini dalam pasaran kewangan Islam, tertakluk kepada kelulusan MPS BNM dan memenuhi semua kriteria mengenai kesesuaian instrumen yang akan dinilai oleh BNM.

2.9. Manakala, instrumen berasaskan *qard* dan kadar *hibah* bagi transaksi *qard* yang lalu tidak akan diambil kira dalam metodologi pengiraan MYOR-i kerana dikhuatiri memberi persepsi bahawa wujudnya elemen yang bercanggah dengan Syariah. Kemasukan kadar *hibah* bagi transaksi *qard* yang lalu (*historical rate*) boleh memberi anggapan bahawa kadar *hibah* tersebut adalah kadar indikatif bagi transaksi *qard* akan datang dan membiasakan pemberian *hibah* ke atas *qard* sebagai satu amalan perniagaan yang dilarang oleh Syarak.

2.10. Formula pengiraan untuk MYOR-i adalah seperti berikut:

[1] AIBIM = Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (*Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia*)
FMAM = Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia (*Financial Markets Association Malaysia*)

$$\text{MYOR} - i = \frac{\sum \left(\text{Jumlah transaksi Islam antara bank (RM)} \times \text{Kadar keuntungan bagi transaksi Islam} \right)}{\sum \text{Jumlah transaksi Islam antara bank (RM)}}$$

2.11. Situasi luar jangka boleh berlaku sekiranya terdapat gangguan kepada proses penerbitan MYOR-i (contohnya, gangguan kepada prosedur penyelesaian transaksi, transaksi antara bank atau pengumpulan data).

2.12. Oleh itu, bagi situasi luar jangka, penggunaan kadar keuntungan kemudahan pendanaan (*funding facility profit rate, FFPR*)[2] akan menggantikan metodologi pengiraan dalam situasi biasa. Metodologi pengiraan dalam situasi luar jangka adalah seperti berikut:

$$\text{MYOR-i}_t = \frac{1}{3}\sum_{n=1}^{3}[\text{MYOR-i}_{t-n} + (\text{FFPR}_t - \text{FFPR}_{t-n})]$$

t = hari situasi gangguan (i.e. hari bagi pengiraan untuk situasi luar jangka); dan FFPR = *funding facility profit rate*

Isu Syariah

Berdasarkan metodologi pengiraan seperti yang dicadangkan, isu-isu Syariah yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

2.13. Adakah metodologi pengiraan kadar MYOR-i dalam situasi biasa dan situasi luar jangka patuh Syariah?

2.14. Adakah penggunaan kadar rujukan bertempoh konvensional dibenarkan semasa ketiadaan kadar rujukan bertempoh Islam yang boleh diguna pakai?

Bahagian III: Perbincangan Utama

Mengeluarkan transaksi berasaskan qard daripada metodologi pengiraan kadar MYOR-i dalam situasi biasa dan penggunaan kadar keuntungan kemudahan pendanaan bagi situasi luar jangka adalah penting bagi memastikan kepatuhan Syariah secara menyeluruh

3.1. BNM dan pihak industri mencadangkan untuk tidak memasukkan transaksi semalaman di pasaran wang antara bank yang berasaskan *qard* dan kadar *hibah* bagi kontrak *qard* ke dalam metodologi pengiraan kadar MYOR-i. Ini kerana, kemasukan kedua-dua komponen ini ke dalam metodologi pengiraan boleh memberi anggapan bahawa kadar *hibah qard* yang lalu adalah kadar indikatif bagi transaksi *qard* akan datang dan membiasakan pemberian *hibah* ke atas *qard* ini adalah satu amalan perniagaan yang dilarang oleh Syarak.

[2] Kemudahan pendanaan diberikan oleh pihak Bank kepada institusi antara bank bagi memenuhi keperluan kecairan sementara pada kadar keuntungan seperti yang digariskan dalam Dokumen Polisi *Standing Facilities*.

3.2. Berdasarkan simulasi data[3] yang dibentangkan, mengeluarkan transaksi berasaskan *qard* dan kadar *hibah* ke atas *qard* daripada metodologi pengiraan kadar MYOR-i tidak memberikan impak ketara kepada pengiraan kadar MYOR-i dimana impaknya kurang daripada 0.01% kepada kadar yang terhasil.

3.3. Berdasarkan penghujahan di atas, MPS bersetuju untuk tidak memasukkan transaksi berasaskan *qard* dan kadar *hibah* ke atas *qard* ke dalam metodologi pengiraan kadar MYOR-i. Ini adalah selari dengan keputusan MPS sedia ada dan keperluan Syariah dalam Dokumen Polisi *Qard* yang tidak membenarkan pendedahan atau pemasaran kadar *hibah* indikatif bagi transaksi *qard* akan datang.[4]

3.4. Manakala, bagi situasi luar jangka, BNM akan mengira dan menerbitkan kadar MYOR-i berdasarkan purata kadar MYOR-i sepanjang tiga hari penerbitan sebelumnya, yang diselaraskan berdasarkan perubahan dalam FFPR. Penggunaan FFPR bagi situasi luar jangka dicadangkan bagi memastikan MYOR-i hanya mengandungi unsur yang patuh Syariah sahaja dan mengelakkan penggunaan kadar faedah seperti OPR sebagaimana yang diamalkan bagi MYOR konvensional. Oleh itu, MPS bersetuju dengan cadangan penggunaan FFPR dalam situasi luar jangka memandangkan ia merupakan alternatif kepada OPR.

Rujukan kepada kadar bertempoh konvensional dalam keadaan ketiadaan kadar rujukan bertempoh yang patuh Syariah

3.5. Di peringkat global dan domestik, pada masa ini, tiada kadar rujukan bertempoh patuh Syariah yang boleh diguna pakai dalam menetapkan harga bagi instrumen kewangan Islam. Oleh itu, MPS bersetuju untuk membenarkan rujukan secara sementara kepada kadar rujukan bertempoh konvensional seperti KLIBOR atau lain-lain kadar rujukan bertempoh konvensional berdasarkan pertimbangan situasi *hajah*, sehingga kadar rujukan bertempoh Islam yang boleh diguna pakai dapat diwujudkan. Hal ini adalah bagi mengelakkan sebarang gangguan kepada pasaran memandangkan kadar kecairan di pasaran wang Islam agak rendah.

Bahagian IV: Asas Pertimbangan

Metodologi pengiraan kadar MYOR-i dalam situasi biasa dan situasi luar jangka bebas daripada sebarang unsur tidak patuh Syariah

4.1. Syariah tidak menyatakan kaedah yang spesifik bagi menetapkan harga dalam urus niaga patuh Syariah, tetapi tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah tertentu seperti larangan penipuan dan manipulasi harga. Oleh itu, sebarang kaedah penetapan harga adalah harus melainkan terdapat pelanggaran terhadap sesuatu keperluan Syariah sebagaimana kaedah *fiqh* menyatakan:

الأصل في العقود والشروط الجواز والصحة

"Prinsip asas dalam kontrak dan syarat adalah keharusan dan kesahihan."[5]

[3] Simulasi data yang dibentangkan kepada MPS termasuklah data mengenai bilangan transaksi *qard* yang lalu di pasaran antara bank, kadar *hibah* ke atas transaksi *qard* semalaman yang lalu dan analisis impak kepada kadar MYOR-i.
[4] Rujuk perenggan 14.7 Dokumen Polisi *Qard* yang diterbitkan pada 26 Februari 2018.
[5] Muhammad Mustafa Al-Zuhayli (2006), *Al-Qawa`id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-`Arba`ah*. Damsyik: Dar al-Fikr, v. 2, p. 815.

4.2. Peralihan ke arah penggunaan MYOR-i adalah disebabkan ciri-cirinya yang berdasarkan transaksi sebenar yang lebih menggambarkan keadaan pasaran dan sukar untuk dimanipulasi. Perkara ini adalah selari dengan prinsip *siyasah syar'iyyah*[6] dalam kewangan Islam bagi memastikan ketelusan dan keadilan dalam penetapan harga seperti yang dinyatakan dalam hadith berikut:

عن أنس بن مالك رضي الله عنه: قال الناس: يا رسول الله، غلا السعر فسعر لنا. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إن الله هو المسعر القابض الباسط الرازق وإني لأرجو أن ألقى ربي وليس أحد يطالبني بمظلمة في دم ولا مال

"*Anas Bin Malik RA meriwayatkan bahawa, orang ramai telah mengadu kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah, harga telah meningkat, maka tetapkanlah harga untuk kami. Rasulullah SAW berkata: Sesungguhnya Allah yang menetapkan harga, yang menahan dan yang memberikan rezeki. Dan sesungguhnya aku berharap agar apabila aku bertemu Allah kelak, tidak ada di kalangan kamu yang menuntut keadilan daripadaku berhubung darah dan harta."* (Tirmizi: Hasan Sahih)[7]

4.3. Hadith di atas mengungkapkan secara tersirat bahawa pergerakan harga pada ketika itu didorong oleh pasaran. Oleh itu, sebarang penanda aras yang menggambarkan keadaan pasaran semasa adalah sesuai untuk dijadikan kadar rujukan bagi urus niaga yang berlaku dalam pasaran tersebut.

4.4. Walaupun MYOR-i wujud dalam bentuk kadar semalaman sahaja dan tidak mempunyai kadar bertempoh, usaha pelaksanaan kadar rujukan Islam yang tersendiri setakat kemampuan adalah amat digalakkan bagi memastikan instrumen kewangan Islam mematuhi Syariah selain menjaga reputasi industri kewangan Islam daripada sebarang unsur yang dilarang Syarak. Ini adalah selari dengan hadith Rasulullah SAW yang menyeru umatnya untuk mematuhi Syariat Islam dengan kadar kemampuannya seperti berikut:

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: **"**دعوني ماتركتكم: إنما أهلك من كان قبلكم كثرة سؤالهم ، واختلافهم على أنبيائهم، فإذا نهيتكم عن شيء فاجتنبوه، وإذا أمرتكم بأمر فأتوا منه ما استطعتم**"** ((متفق عليه))

"Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, "Janganlah kamu bertanya kepadaku secara berlebihan tentang perkara-perkara yang tidak aku ceritakan kepada kamu. Sesungguhnya orang-orang sebelum kamu telah binasa kerana banyaknya pertanyaan mereka kepada Nabi-nabi mereka dan berselisih pendapat tentangnya. Jauhilah apa yang telah aku larang kamu daripadanya dan kerjakanlah apa yang telah aku perintahkan kepada kamu berdasarkan kemampuanmu." (Sahih Bukhari)[8]

Keharusan menggunakan kadar rujukan bertempoh konvensional oleh institusi kewangan Islam ketika ketiadaan kadar rujukan bertempoh Islam yang boleh diguna pakai

---

[6] Dasar dan pendekatan yang diambil oleh pemerintah demi kepentingan negara dan rakyat yang selari dengan prinsip Syariah.

[7] Tirmizi (1996), *Sunan Tirmizi*, Beirut: Dar Al-Gharb Al-Islami, j. 2, m. 582, no. hadith 1314; Abu Daud (2009), *Sunan Abi Daud*, Beirut: Dar Al-Risalah Al-'Alamiyyah, j. 5, m. 322, no. hadith. 3451.

[8] Al-Bukhari (2002), *Sahih Bukhari*, Damsyiq-Beirut: Dar Ibn Kathir, p. 1800, hadith no. 7288.

4.5. Rujukan kepada kadar rujukan bertempoh yang berkualiti bagi instrumen kewangan adalah penting dalam menentukan harga sebenar yang mencerminkan keadaan pasaran semasa dan memastikan kestabilan pasaran. Ketika ketiadaan kadar rujukan bertempoh Islam yang boleh diguna pakai untuk dirujuk, institusi kewangan Islam dibenarkan untuk merujuk kepada kadar rujukan bertempoh konvensional yang diguna pakai secara meluas bagi mengelakkan gangguan kepada pasaran berdasarkan kaedah *fiqh* berikut:

الأمر إذا ضاق اتسع وإذا اتسع ضاق

"Apabila dalam kesusahan, kemudahan (rukhsah) diberikan. Apabila kesusahan itu tidak lagi wujud, maka ia kembali kepada ketetapan asal."[9]

Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

5.1. Keputusan MPS ini memberi kejelasan dan kepastian kepada pasaran mengenai status Syariah berhubung penggunaan kadar MYOR-i. Keputusan MPS ini menjelaskan bahawa rujukan kepada MYOR-i adalah sangat bersesuaian dan memenuhi keperluan Syariah bagi instrumen kewangan Islam di pasaran wang antara bank dan produk perbankan borong. Namun, rujukan kepada kadar rujukan bertempoh konvensional dibenarkan secara sementara bagi instrumen kewangan bertempoh sehingga kadar rujukan bertempoh yang patuh Syariah dapat diwujudkan. Di samping itu, kenyataan MPS ini juga memberi isyarat jelas kepada industri untuk mempergiatkan usaha dan mengambil langkah sewajarnya untuk membangunkan kadar rujukan bertempoh Islam yang boleh diguna pakai.

[9] Muhammad Mustafa Al-Zuhayli (2006), *Al-Qawa`id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-`Arba`ah*. Damsyik: Dar al-Fikr, v. 2, p. 272